



UNGGUL: Pasukan UMS yang menerima hadiah terunggul.

UMS menang Pertandingan Huawei ICT Malaysia

UB 12-03-2020 15

KUALA LUMPUR: UMS Menang '1st Runner Up' dan Hadiah Terunggul Anugerah Pencapaian Cemerlang Huawei ICT Academy di Pertandingan Huawei ICT Malaysia Peringkat Akhir Malaysia 2019-2020.

Pasukan UMS meraih juara 1st Runner Up di Pertandingan Huawei ICT Malaysia 2019-2020 yang berakhir pada khamis.

Tiga pemenang yang terbaik dari peringkat awal yang berlangsung pada 12-13 Disember 2019, pelajar Liew Chun Khai, Lim Tze Min and Zachary Benjamin Goh Yu Lian dipilih mengikuti program latihan persiapan peringkat akhir Malaysia yang diketuai oleh Dr Tan Soo Fun, pensyarah kanan dari Fakulti Komputeran dan Informatik.

Perjalanan peringkat akhir Malaysia membawa tujuh pasukan ke Kuala Lumpur, termasuklah 21 pelajar dari tujuh buah universiti Malaysia, iaitu Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Malaya

(UMS), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Petronas (UTP), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Taylor dan Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR).

Pertandingan ini yang dilancarkan sejak November tahun lepas adalah bertujuan untuk memupuk bakat ICT tempatan dan membangunkan pemimpin ICT generasi yang akan datang di Malaysia.

Ia juga bertujuan mempromosikan daya saing ICT negara, inovasi dan kreativiti, yang menjadi asas untuk membina ekonomi berasaskan pengetahuan.

Selain itu, Mr David Li, Naib Presiden Huawei Malaysia menyampaikan Hadiah Terunggul Anugerah Pencapaian Cemerlang Huawei ICT Academy kepada UMS, dalam mengiktiraf prestasi cemerlang UMS dalam pembangunan bakat ICT.

Anugerah ini diterima oleh Prof Dr Abdullah Gani, Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik, Universiti Malaysia Sabah.



TERBAIK: Pelajar UMS yang terpilih mengikuti peringkat akhir.



ANUGERAH: Prof Dr Abdullah Gani menerima Anugerah Pencapaian Cemerlang.